

Pahang Destinasi Pertama Jelajah KPT `Soaring Upwards'



Kuantan, 8 Ogos- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah menganjurkan Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi bertemakan 'Soaring Upwards' bagi menerangkan tentang pencapaian dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang dikenali sebagai PPPM (PT) kepada golongan sasar dan masyarakat setempat di negeri Pahang.

PPPM (PT) sedang dibangunkan dengan mempastikan ianya sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) yang telah dilancarkan pada bulan September 2013. Ia juga berdasarkan Pelan Strategik Pengajaran Tinggi Negara (PSPTN) yang telah dilancarkan pada tahun 2007 dan telah di semak semula pada bulan Mac 2013.

Oleh sebab strategi serta inisiatif PPPM (PT) akan memberi kesan ke atas pemegang taruh yang ramai iaitu pelajar semasa dan akan datang, ibu-bapa, majikan, institusi pengajaran tinggi (awam dan swasta), pensyarah, penyelidik, dan industri yang sedang melabur di Malaysia, Kementerian telah mendapatkan maklum balas dari semua pemegang taruh semasa PPPM (PT) sedang dibangunkan.

Program jelajah pada kali ini menampilkan lima ahli panel yang terdiri daripada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, ahli Lembaga Pengarah UMP yang juga mewakili industri, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul

Rahman, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Dato' Rosdi Ismail, Yang diPertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP (MPP), Mohd. Syafiq Ali dan Abdul Syukor Razak yang merupakan pensyarah UMP yang juga alumni Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah (Polisas) yang membincangkan tentang peranan universiti, sekolah, industri, alumni dan masyarakat dalam melonjakkan sistem pendidikan negara.

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berkata, sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah mencatatkan kejayaan yang cemerlang dalam beberapa tahun kebelakangan ini.



"Akses telah menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan kadar enrolmen sebanyak 48 peratus pada tahun 2012. Angka ini mewakili peningkatan sebanyak 70 peratus dalam jangkamasa sepuluh tahun kebelakangan ini, iaitu 6 kali ganda peningkatan enrolmen pelajar sarjana muda dan 10 kali ganda peningkatan enrolmen pelajar program sarjana dan kedoktoran sejak tahun 1990.

"Lima universiti di Malaysia telah diletakkan dalam kelompok 100 terbaik dalam Asia, dan satu universiti dalam kelompok 200 terbaik seluruh dunia seperti yang dilaporkan dalam "QS World University Rankings in 2014".

"Begini juga dengan jumlah artikel penyelidikan yang telah diterbitkan oleh universiti di Malaysia telah meningkat lebih dari 3 kali ganda antara tahun 2007 dan 2012, kadar peningkatan yang paling tinggi di seluruh dunia. Di samping itu, jumlah paten yang telah di failkan oleh universiti di Malaysia telah meningkat sebanyak 11 peratus setahun dalam jangkamasa yang sama, meletakkan Malaysia di tangga ke 28 di dunia dalam kategori jumlah paten yang difail sepanjang jangkamasa tersebut," katanya.

Namun demikian, menurut beliau walaupun terdapat banyak kejayaan yang memberangsangkan, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi. Di antaranya majikan melaporkan graduan masih kurang dapat menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berkomunikasi iaitu keperluan penting untuk menjadi kompetitif di abad ke 21.

Selain itu, tahap kolaborasi antara akademia dan industri masih belum mencapai tahap yang mantap atau tahap keberhasilan seperti yang telah dirancangkan, lebih-lebih lagi dari segi Penyelidikan dan Pembangunan.



Justeru, 10 lonjakan diperkenalkan dalam mentransformasikan sistem pendidikan tinggi Malaysia iaitu empat lonjakan pertama adalah berkait dengan pemegang taruh utama dalam sistem pendidikan tinggi (pelajar, pembelajaran sepanjang hayat, pegawai akademik, penyelidik dan kepemimpinan) yang mana, secara bersama, membolehkan sistem mencapai prestasi yang ideal untuk menghasilkan graduan yang mendapat pendidikan kelas pertama, serta mempunyai sifat dan nilai yang murni untuk menyumbang kepada masyarakat dan ekonomi Malaysia. Enam lonjakan yang selebihnya pula adalah bergantung kepada kejayaan pelaksanaan empat lonjakan yang pertama.

Beliau turut mengumumkan lima institusi pengajian tinggi bakal menggunakan Sistem Bersepadu Purata Gred Nilai Kumulatif (ICGPA). Selain Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tiga lagi adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia PAhang (UMP).

Seramai 2000 tetamu hadir dalam program yang berlangsung di Zenith Hotel Kuantan dan siri jelajah ini bakal diteruskan di beberapa negeri dan bandaraya termasuk Johor, Melaka, Kedah, Kuala Lumpur, Sabah, Kelantan, Sarawak dan Perak.



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 10-08-2015, 10:44:17